

Bil. S 66

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH PERLEMBAGAAN (PROSEDUR KEWANGAN) (PINDAAN), 2017

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran
 2. Penggantian bab 16 dari Perlembagaan III
 3. Pindaan bab 17
 4. Penggantian bab 18
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH PERLEMBAGAAN (PROSEDUR KEWANGAN) (PINDAAN), 2017

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Perlembagaan (Prosedur Kewangan) [Pindaan], 2017.

Penggantian bab 16 dari Perlembagaan III

2. Bab 16 dari Perintah Perlembagaan (Prosedur Kewangan), dalam Perintah ini disebut sebagai Perintah utama, adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut —

“Surcaj

16. Jika pada pendapat Menteri bahawa mana-mana orang yang bekerja atau pernah bekerja dengan Kerajaan Negara Brunei Darussalam —

(a) telah gagal memungut mana-mana wang yang terhutang kepada Kerajaan sedangkan dia diberi tanggungjawab atau telah diberi tanggungjawab untuk memungutnya;

(b) bertanggungjawab atau telah bertanggungjawab bagi sebarang pembayaran yang tidak teratur wang Kerajaan atau bagi sebarang pembayaran wang tersebut yang tidak diteliti dengan sempurna;

(c) bertanggungjawab atau telah bertanggungjawab bagi sebarang kekurangan, atau bagi pemusnahan, mana-mana wang Kerajaan, setem, sekuriti, barang stor atau harta lain Kerajaan; atau

(d) bertanggungjawab atau telah bertanggungjawab bagi pemerolehan Kerajaan telah tidak mematuhi peruntukan-peruntukan yang diperuntukkan dalam Peraturan-Peraturan Kewangan, 1983 [S 1/1983],

dan jika suatu penjelasan yang memuaskan tidak diberikan, dalam suatu tempoh sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Menteri atau mana-mana pegawai

yang diberi kuasa oleh Menteri secara bertulis bagi maksud itu, kepada Menteri atau pegawai yang diberi kuasa itu —

- (i) berhubung dengan kegagalannya untuk memungut, pembayaran yang tidak teratur, pembayaran yang tidak diteliti dengan sempurna, atau kekurangan atau pemusnahannya, Menteri atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri secara bertulis bagi maksud itu boleh mengarahkan supaya orang itu dikenakan surcaj dengan suatu jumlah wang yang tidak melebihi dari sebarang jumlah wang yang tidak dipungut, dibayar, kekurangan, atau kehilangan nilai harta yang dimusnahkan, mengikut mana yang berkenaan; dan
- (ii) berhubung dengan kegagalan untuk mematuhi peruntukan Peraturan-Peraturan Kewangan, 1983 [S 1/1983], Menteri atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri secara bertulis bagi maksud itu boleh mengarahkan supaya orang itu dikenakan surcaj dengan suatu jumlah wang sebagaimana yang mungkin difikirkan patut oleh Menteri atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri secara bertulis bagi maksud itu.”.

Pindaan bab 17

3. Bab 17 dari Perintah utama adalah dipinda dengan memotong “Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam” dari baris pertama dan menggantikannya dengan “Menteri atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri secara bertulis bagi maksud itu”.

Penggantian bab 18

4. Bab 18 dari Perintah utama adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut —

“Penarikan balik surcaj

18. Menteri atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri secara bertulis bagi maksud itu boleh pada bila-bila masa menarik balik sebarang surcaj jika suatu penjelasan yang memuaskan hati telah diterima atau jika didapati sebaliknya bahawa sebarang surcaj tidak patut dibuat, dan Menteri atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri secara bertulis bagi maksud itu hendaklah selepas itu memberitahu ketua jabatan atau mana-mana pegawai yang berkaitan mengenai penarikan balik tersebut.”.

Diperbuat pada hari ini 28 haribulan Zulkaedah, Tahun Hijrah 1438 bersamaan dengan 21 haribulan Ogos, 2017 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM